

Keperluan Unit Pemeriksaan Dalaman Bagi Proses Penambahbaikan Kerja-karya Penyelenggaraan Kenderaan Rasmi Institusi

Arman Ahmad Sapawi^{1,*}, Zuraiti Che Amat¹, dan Mohd Asmedi Yaacob¹

¹Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Stesyen, 35950 Behrang, Perak, Malaysia

*Corresponding author: arman@psas.edu.my

Abstrak

Jangka hayat sesuatu kenderaan adalah merujuk kepada faktor penjagaan, cara pemanduan, pendedahan kepada kesan cuaca dan banyak lagi. Pada masa kini jabatan-jabatan kerajaan giat melaksanakan dasar atau langkah penjimatan bagi menampung perbelanjaan secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, kajian dijalankan untuk merangka penjimatan dalam kerja-karya penyelenggaraan kenderaan jabatan dengan menjadikan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) sebagai sampel kajian. Ia akan menjurus kepada dapatan perancangan kewangan jabatan tahunan khususnya berkenaan keperluan penyelenggaraan kenderaan. Rentetan daripada dapatan kajian, satu garis panduan pengurusan kenderaan jabatan dapat dibangunkan dengan mewujudkan dua unit berasingan iaitu unit pemeriksaan kenderaan dan unit pembaikan kerosakan kecil. Keberkesanan kelancaran operasi kedua-dua unit ini adalah melalui pemantauan berterusan pihak pengurusan tertinggi sesebuah institusi. Justeru itu, kajian ini berupaya mendatangkan kesan yang positif menerusi perancangan kewangan yang bersistematik, berfasa serta teratur. Adalah diharapkan agar ia dapat diaplikasikan ke institusi lain demi kepentingan tadbir urus kenderaan rasmi jabatan.

Kata kunci: - penambahbaikan pengurusan kenderaan jabatan

1. Pengenalan

Kenderaan adalah merupakan salah satu aset institusi yang perlu diberikan perhatian sepenuhnya. Ia meliputi banyak saiz, jenis dan kebiasaannya berfungsi mengikut peranan masing-masing. Pada masa kini, terdapat kenderaan jabatan atau institusi yang menggunakan kontrak pusat di mana segala perkara berkenaan penyelenggaraan kenderaan tersebut adalah melalui tindakan panel yang telah dilantik.

Namun yang demikian, tidak semua kenderaan adalah melalui kontrak pusat. Merujuk kepada PSAS, hampir 90 % kenderaan jabatan adalah milikan sendiri atau bermaksud adalah merupakan aset institusi. Justeru itu, segala perkara berkaitan penyelenggaraan kenderaan adalah merujuk kepada prestasi serta kemampuan kewangan PSAS sendiri.

PSAS terkini memiliki 11 jenis kenderaan dalam membantu kelancaran operasi pentadbiran serta memenuhi keperluan pembelajaran dan pengajaran institusi yang mencakupi perjalanan hampir seluruh Semenanjung Malaysia. Kenderaan tersebut adalah terdiri daripada seperti senarai berikut:

i.	Bas	:	4 unit
ii.	'Coaster'	:	1 unit
iii.	Van	:	1 unit
iv.	Kenderaan Pelbagai Guna	:	2 unit
v.	Pacuan Empat Roda	:	1 unit
vi.	Lori	:	1 unit
vii.	Kereta (Kontrak Pusat)	:	1 unit

Oleh yang demikian, PSAS perlu memiliki perancangan yang teliti bagi memastikan semua kenderaan berada dalam keadaan boleh digunakan untuk memenuhi keperluan warganya.

2. Latar Belakang Kajian

Kenderaan jabatan adalah merupakan tulang belakang kepada pergerakan sesebuah institusi Pendidikan. Rata-rata boleh dikatakan urusan rasmi kerajaan akan melibatkan pergerakan kenderaan jabatan samada melibatkan pegawai, staf sokongan serta aktiviti atau program pelajar. Ia adalah salah satu daripada penerapan yang diterapkan oleh sesebuah institusi untuk penjimatan kos bagi bayaran tuntutan perjalanan, penggunaan kenderaan persendirian serta turut menjadi langkah kawalan keselamatan untuk menghadiri atau menyertai sesuatu program.

Kenderaan jabatan ini akan menggunakan peruntukkan jabatan atau kerajaan dari segi pengoperasian seperti bayaran tol, minyak serta kerja-karya penyelenggaraan samada berkala atau semasa kecemasan. Perancangan proses kerja yang melibatkan kewangan ini dibuat secara berkala. Ia dilaksanakan melalui sebutharga, melalui proses perbandingan dan terus di hantar ke pihak syarikat selenggara kenderaan. Laporan daripada pihak pemandu akan dijadikan dokumen untuk keperluan kenderaan tersebut dibaiki atau diselenggara oleh pihak-pihak syarikat yang dilantik (Yusoff, n.d).

Namun yang demikian, kebelakangan ini, kaedah tersebut berupaya menyebabkan berlakunya

ketirisan peruntukan kerajaan atau jabatan kerana proses pemilihan syarikat dan sebagainya dilaksanakan tanpa kawalan yang jitu. Ia boleh mengakibatkan kerugian yang tinggi serta boleh memendekkan jangka hayat kenderaan kerana kerja-kerja penyelenggaraan tidak dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

3. Objektif Kajian

Kajian Penambahbaikan Pengurusan Kenderaan Jabatan ini dilaksanakan bagi memastikan segala perkara berkaitan kenderaan berada dalam keadaan yang baik. Ia bukan sahaja akan memenuhi keperluan warga sesebuah institusi, sebaliknya turut melibatkan perancangan serta prestasi kewangan tahunan institusi.

Objektif utama kajian ini meliputi perkara-perkara seperti:

- i. Mengkaji keperluan unit pemeriksaan kenderaan institusi.
- ii. Mengenalpasti keberkesanan unit pembaikan kerosakan kecil kenderaan di institusi.

4. Metodologi Kajian

Pada bahagian ini, penyelidik menggunakan beberapa panduan seperti kaedah persampelan, borang temubual, semakan rekod penyelenggaraan jabatan serta proses analisis data (Najib, 2005). Penyelidik mengfokuskan kaedah temubual kerana bilangan responden atau individu yang disoal selidik adalah terdiri dari kalangan pemandu dan pentadbir kenderaan di PSAS. Secara keseluruhannya, maklumat-maklumat yang dikumpulkan telah dianalisis dan dibuat kesimpulan dengan merujuk kepada objektif kajian.

4.1 Persampelan

Penyelidik mengaplikasikan kaedah temubual bersama dengan tujuh orang pemandu kenderaan

PSAS. Selain daripada itu, penyelidik turut menjalankan temubual bersama pentadbir kenderaan serta Penolong Pegawai Akauntan PSAS. Ia tidak menggunakan kaedah borang soal selidik kerana bilangan responden tidak ramai. Penyelidik mengambilkira keberadaan responden di satu tempat yang sama. Oleh yang demikian, seramai sembilan orang individu telah ditemubual bagi melengkapkan kajian ini.

4.2 Cara Kerja Kajian

Penyelidik telah memilih responden di kalangan kakitangan PSAS. Sebelum itu, cara kerja kajian telah dimulakan dengan proses pemilihan tajuk kajian. Ia disusuli dengan kupasan kenyataan masalah, isu-isu berbangkit berkenaan pengurusan kenderaan. Seterusnya, penyelidik telah menetapkan untuk menggunakan kaedah kualitatif iaitu menjurus kepada temubual di lapangan.

Selain daripada itu, penyelidik melaksanakan kaedah temubual diajukan khusus kepada dengan para pemandu dan diikuti oleh pegawai pentadbir kenderaan institusi. Dapatan data-data dari sesi temubual telah dikumpulkan dan dianalisis berdasarkan sepuluh soalan yang telah dibangunkan oleh penyelidik.

Ia diakhiri dengan proses penetapan kesimpulan, rumusan dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan berdasarkan proses kerja sedia ada.

5. Dapatan Kajian

Soalan temubual telah dimulakan dengan tujuh orang pemandu, seorang pembantu tadbir dan seorang penolong pegawai akauntan dengan semakan tiga data demografi yang menjurus kepada umur, pengalaman kerja atau tempoh berkhidmat serta unit kenderaan seliaan masing. Jadual 1 menunjukkan dapatan data yang diperolehi.

Jadual 1: Bilangan responden mengikut umur, kenderaan yang diselia.

Bil	Politeknik	Umur	Pengalaman	Kenderaan
1	Jamal Osman Bin Isa	50 tahun	19 tahun	Bas
2	Mohd Dzulkafli Bin Ali	41 tahun	14 tahun	Bas
3	Mohd Kamarul Ariffin Bin Abdul	39 tahun	14 tahun	Bas
4	Mohd Hasril Bin Yusuf Al-Bakri	40 tahun	11 tahun	Bas
5	Muhammad Mua'as Bin Mustaffa	34 tahun	10 tahun	Pajero & Lori
6	Muhammad Ridzuan Bin Mohd Shaidin	28 tahun	3 tahun	Sarena & Naza
7	Ruzman Bin Mohamad	45 tahun	18 tahun	'Coaster' & Van
8	Muhammad Firdaus Bin Mohd Salehuddin	36 tahun	2 tahun	Penyelia Unit Kenderaan
9	Noraini Binti Abdullah	36 tahun	7 tahun	Penolong Pegawai Akauntan

Seterusnya sesi temubual diteruskan dengan soalan kedua dan ketiga melibatkan jenis-jenis kerosakan dan kekerapan ia berlaku. Jadual 2

menunjukkan jenis-jenis kerosakan dan kekerapan ia berlaku.

Jadual 2: Jenis-jenis kerosakan dan kekerapan ia berlaku.

Bil	Nama	Kerosakan	Kekerapan	Lokasi Bengkel
1	Jamal Osman Bin Isa	'Air Cond' dan brek	Servis berkala	Ipoh
2	Mohd Dzulkafli Bin Ali	Brek,	Servis berkala	Ipoh
3	Mohd Kamarul Ariffin Bin Abdul	'Air Cond' dan brek	Servis berkala	Ipoh
4	Mohd Hasril Bin Yusuf Al-Bakri	Sistem Pendawaian Kenderaan	1 tahun	Ipoh
5	Muhammad Mua'as Bin Mustaffa	'Air cond' dan Meter minyak (lori)	2 kali setahun	Slim River
6	Muhammad Ridzuan Bin Mohd Shaidin	-	-	Ipoh
7	Ruzman Bin Mohamad	Kerusi	2 Tahun	Ipoh
8	Muhammad Firdaus Bin Mohd Salehuddin	Servis Berkala	Setiap tahun	Merujuk kepada penilaian sebut harga
9	Noraini Binti Abdullah			

Penyelidik juga mendapatkan maklumat menerusi soalan pilihan syarikat penyelenggara dan cadangan syarikat bagi kerja-kerja pelaporan yang terkini melalui soalan keempat dan kelima.

Jadual 3: Pilihan syarikat penyelenggara dan cadangan nama syarikat bagi persediaan servis atau membaiki kerosakan terkini.

Bil	Nama Pemandu	Syarikat Cadangan
1	Jamal Osman Bin Isa	Mission Impossible di Ipoh atau Hino di Shah Alam atau Batu Caves dan Kiffah di Kepong
2	Mohd Dzulkafli Bin Ali	
3	Mohd Kamarul Ariffin Bin Abdul	
4	Mohd Hasril Bin Yusuf Al-Bakri	
5	Muhammad Mua'as Bin Mustaffa	
6	Muhammad Ridzuan Bin Mohd Shaidin	
7	Ruzman Bin Mohamad	
8	Muhammad Firdaus Bin Mohd Salehuddin	Bergantung kepada pemilihan berdasarkan sistem E Perolehan
9	Noraini Binti Abdullah	

Seterusnya, ia diteruskan dengan soalan keenam dan ketujuh yang melibatkan kupasan pendapat samada bersetuju menggunakan khidmat rakan-rakan pegawai bagi kerja pengesahan kerosakan dan pembaikan kecil. Rata-rata para pemandu bersependapat tentang perkara tersebut.

Jadual 4: Persetujuan mendapat khidmat pegawai pengesah kerosakan dan lokasi tempat senggara.

Bil	Nama Pemandu	Pegawai Pengesah Kerosakan	Lokasi Tempat Senggara
1	Jamal Osman Bin Isa	√	√
2	Mohd Dzulkafli Bin Ali	√	√

3	Mohd Kamarul Ariffin Bin Abdul	√	√
4	Mohd Hasril Bin Yusuf Al-Bakri	√	√
5	Muhammad Mua'as Bin Mustaffa	√	√
6	Muhammad Ridzuan Bin Mohd Shaidin	√	√
7	Ruzman Bin Mohamad	√	√
8	Muhammad Firdaus Bin Mohd Salehuddin	√	√
9	Noraini Binti Abdullah	√	√

Penyelidik meneruskan soalan temubual melalui soalan kelapan dan kesembilan. Ia adalah merujuk kepada bahagian seterusnya iaitu sistem bayaran secara tunai atau melalui sistem e-Perolehan.

Jadual 5: Sistem selenggara kenderaan jabatan samada dibayar melalui e-perolehan atau tunai.

Bil	Nama Pemandu	Tunai	e-Perolehan
1	Jamal Osman Bin Isa	X	√
2	Mohd Dzulkafli Bin Ali	X	√
3	Mohd Kamarul Ariffin Bin Abdul	X	√
4	Mohd Hasril Bin Yusuf Al-Bakri	X	√
5	Muhammad Mua'as Bin Mustaffa	X	√
6	Muhammad Ridzuan Bin Mohd Shaidin	X	√
7	Ruzman Bin Mohamad	X	√
8	Muhammad Firdaus Bin Mohd Salehuddin	X	√
9	Noraini Binti Abdullah	X	√

Persoalan terakhir adalah melibatkan kesediaan para pemandu untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan atau proses bayaran.

Jadual 6: Kesiediaan pemandu untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengurusan kewangan unit kenderaan.

Bil	Nama Pemandu	Penyelenggaraan		Cadangan
		Berasingan	Bersekali	
1	Jamal Osman Bin Isa	X	√	Jika ada pengusaha atau syarikat yang berupaya melaksanakan servis yang baik, boleh disekalikan terus semua kenderaan PSAS untuk servis dan kerja-kerja pembaikan lain
2	Mohd Dzulkafli Bin Ali	X	√	
3	Mohd Kamarul Ariffin Bin Abdul	X	√	
4	Mohd Hasril Bin Yusuf Al-Bakri	X	√	
5	Muhammad Mua'as Bin Mustaffa	X	√	
6	Muhammad Ridzuan Bin Mohd Shaidin	X	√	
7	Ruzman Bin Mohamad	X	√	
8	Muhammad Firdaus Bin Mohd Salehuddin	Dilaksanakan oleh Penyelia Unit Kenderaan		
9	Noraini Binti Abdullah			

6. Kesimpulan

Keperluan unit pemeriksaan dalaman bagi proses penambahbaikan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan rasmi institusi amat diperlukan terutamanya kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam mengawalselia unit yang berkenaan. Ia akan menjadi panduan khusus bagi mereka kerana turut melibatkan proses kewangan dan sebagainya (Kerajaan Malaysia, 2013).

Selain daripada itu, kewujudan Unit Pemeriksaan Dalaman telah membuka satu lembaran baru dalam memastikan berlakunya penjimatan dalam pengurusan kewangan kerajaan. Ini kerana, setelah mendapat khidmat nasihat atau panduan dari tersebut, tidak semua kerosakan perlu dirujuk ke kedai atau pusat servis kenderaan. Semakan dari pihak pemandu juga turut memainkan peranan dalam memastikan jangka hayat sesebuah kenderaan dijaga dengan baik (Yusoff, n.d).

Berdasarkan kajian, setiap kerosakan kecil akan dirujuk terus kepada Unit Pembaikan Kecil. Ia adalah satu penjimatan yang besar memandangkan amalan sebelum ini, kerosakan kecil atau besar yang timbul, ia tetap akan dirujuk kepada syarikat atau pembekal perkhidmatan selenggara kenderaan dari luar. Oleh itu, ia secara umumnya akan membantu jabatan atau institusi dari segi anggaran perbelanjaan baiki kerosakan kenderaan pada kadar yang minimum.

Oleh yang demikian, pengurusan kenderaan perlu diperkembangkan bagi membantu institusi untuk merancang, melaksana serta menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas sesebuah kenderaan. Berdasarkan dapatan kajian, ia akan melibatkan dua unit baru yang diwujudkan khusus bagi kelancaran serta penjimatan Unit Pemeriksaan Kerosakan dan Pembaikan Kecil.

Unit ini perlu diketuai oleh Penasihat, Pengerusi,

dua oleh Pegawai Penyelaras, para pegawai atau staf serta pemandu-pemandu kenderaan jabatan Politeknik Sultan Azlan Shah. Kewujudan unit ini secara dasarnya adalah merujuk kepada pengurangan kos selenggara kenderaan terutamanya bagi kerja-kerja pembaikan kecil yang bakal dibantu oleh para staf atau pegawai yang berkelayakan.

Semua kerosakan akan dikenalpasti dan disemak samada perlu tindakan susulan dan sebagainya. Jika kerosakan adalah kecil serta boleh dibaiki segera oleh Unit Kerosakan Kecil, ia akan dibaiki menggunakan kepakaran pegawai sedia ada. Jika tidak boleh dibaiki kerana kekurangan peralatan dan sebagainya, ia akan terus dirujuk ke pihak syarikat yang berkepakaran dengan kerosakan yang dialami.

Justeru itu, Unit Pemeriksaan Dalaman bagi proses penambahbaikan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan rasmi ini amat penting kepada institusi. Ia sesuai untuk diaplikasikan di institusi pengajian awam atau swasta. Oleh yang demikian, adalah diharapkan ia dapat dikongsikan dengan institusi lain demi manfaat bersama.

Rujukan

- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2019). Pekeliling Perkhidmatan Bil 1. Diakses September 6, 2021, daripada <https://www.docs.jpa.gov.my/docs/pp>.
- Kamarul S. M. T. (2015), Kaedah Persampelan. Diakses September 6, 2021, daripada <https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/persampelan>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2014, Ogos 14). Prosedur Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan. Diakses September 6, 2021, daripada <https://www.docplayer.info/63419008-Prosedur-penyelenggaraan-kenderaan-jabatan.html>.

- Kerajaan Malaysia. (2013). Pengurusan Kenderaan Jabatan. Diakses September 6, 2021, daripada <https://www.ppp.treasury.gov.my>.
- Najib M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan Pertama. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norazwani, Y. (2019). Ambil Tindakan Tegas Salahguna Kenderaan Jabatan. Diakses September 6, 2021, daripada <https://www.sinarharian.com.my>.
- Pejabat Daerah dan Tanah (n.d), Tatacara Pengurusan Kenderaan Jabatan. Diakses September 6, 2021, daripada [https://www.selangor.gov.my/sabakbernam/resources/Arahan Pentadbiran dan Garis PanduanPTSB/Garis_Panduan_Pengurusan_Kenderaan.pdf](https://www.selangor.gov.my/sabakbernam/resources/Arahan_Pentadbiran_dan_Garis_PanduanPTSB/Garis_Panduan_Pengurusan_Kenderaan.pdf).
- Yusoff, M. N. (n.d). *Tatacara Pengurusan Kenderaan Kerajaan*. Diakses September 6, 2021, daripada <https://www.nrnk.yolasite.com/resources>.